

Filipina digesa terima keputusan ICJ

KUALA LUMPUR 27 Okt.
— **Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad** meminta Filipina menerima hakikat berhubung keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) yang menolak permohonan Manila untuk mencelah dalam tuntutan bertindih ke atas Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan melibatkan Malaysia dan Indonesia.

Menurut Perdana Menteri, Manila perlu akur terhadap keputusan tersebut kerana ia diputuskan oleh mahkamah yang telah dipersetujui bersama.

“Kita sudah setuju hendak rujuk kepada ICJ,” kata beliau pada sidang akhbar di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia sekembalinya dari luar negara di sini, petang ini.